


26. Hari Kebangsaan

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

Hari Kebangsaan

Singapura

perbarisan

kereta kebal

penerjun payung

lagu Kebangsaan

Singapura

bunga api

Sabtu lepas adalah **Hari Kebangsaan Singapura**. Semua rakyat Singapura merayakannya bersama. Saya dan keluarga saya telah pergi ke Stadium Negara untuk menyaksikan **perbarisan**.

Saya terpegun melihat bermacam-macam jenis **kereta kebal** yang berlalu. Kapal terbang dan bot-bot tentera laut juga mengambil bahagian dalam perbarisan itu.

Kami menyanyikan lagu-lagu Hari Kebangsaan. Pada suatu ketika kami melihat beberapa **penerjun payung** di langit.

Apabila malam tiba, kami menyanyikan **lagu Kebangsaan Singapura** dan membaca ikrar.

Perbarisan itu diakhiri dengan satu pameran **bunga api**. Itu adalah persembahan yang paling saya gemari.